

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengurangkan import beras bagi Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan kebergantungan beras import, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Sabah akan melaksanakan Projek Penerapan Teknologi Peningkatan Hasil Padi seluas 1,560 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Ianya akan melibatkan seramai 1,560 orang pesawah di sembilan (9) buah daerah penanaman padi terpilih iaitu Daerah Keningau, Kota Marudu, Ranau, Beaufort, Tuaran, Papar, Penampang, Tambunan dan Beluran secara berperingkat sehingga tahun 2025. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan purata hasil padi di lokasi-lokasi projek terlibat dengan sasaran peningkatan sehingga 8 tan metrik per hektar.

2. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan pengeluaran hasil padi tanah kering bagi menampung keperluan beras penduduk Negeri Sabah. Sehubungan itu, Jabatan Pertanian Sabah telah merancang untuk membangunkan seluas 1,500 hektar kawasan padi tanah kering melalui pelaksanaan Projek Pengeluaran Beras Istimewa Padi Tanah Kering dalam tempoh RMKe-12. Ianya akan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dengan sasaran purata hasil padi sebanyak 1.4 tan metrik per hektar. Sekian, terima kasih.